

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN
GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 16.11.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk meningkatkan kadar pencen dan elaun bagi veteran yang cedera ketika bertugas, veteran yang berkhidmat lebih 20 tahun serta veteran yang menerima pingat SP dan PGB, untuk membantu mereka menangani kos sara hidup yang mencabar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini kadar kenaikan tahunan pencen perkhidmatan atau terbitan veteran ATM adalah sebanyak 2% setiap tahun mulai 1 Januari 2013. Semasa Perhimpunan Veteran ATM 2017 pada 31 Julai 2017 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan skim Pencen Hilang Upaya bagi veteran ATM yang tidak mendapat pencen perkhidmatan, kenaikan antara RM500 hingga RM2,000 sebulan dan insentif veteran kelainan upaya dengan kadar kenaikan daripada RM500 kepada RM1,000 setahun.

Veteran ATM yang telah berkhidmat lebih 20 tahun dikategorikan sebagai veteran berpencen. Bagi veteran ATM penerima pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) menerima sebanyak RM2,000 sebulan manakala penerima pingat Panglima Gagah Berani (PGB) menerima sebanyak RM1,500 sebulan bagi tempoh sepanjang hayat.